

4hb June 2022

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang Berkepentingan,

JEMPUTAN UNTUK MEMBUAT ULASAN BERKENAAN DENGAN PENILAIAN SEMULA PENSIJILAN RSPO (P&C).

Dengan sukacita kami menjemput pihak Tuan / Puan untuk menghadiri dan memberi komen di sesi rundingan seperti di atas.

Kuala Lumpur Kepong Berhad (KLK), telah memohon kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian semula atas piawaian pensijilan Rundingan Meja Bulat Kelestarian Minyak Sawit (RSPO P&C).

Keperluan piawaian yang akan digunakan semasa proses pensijilan adalah:

- RSPO Principle & Criteria Certification (RSPO P&C 2018) – Malaysia National Interpretation (MYNI) Nov 2019 – Identity Preserved (IP).

Seperti yang dijadualkan, penilaian pensijilan tersebut akan bermula pada **04 - 08 Julai 2022** di pejabat syarikat seperti tertera. Jadi Tuan/Puan boleh menghantar sebarang komen jika berkenaan dalam tempoh masa bermula sekarang sehingga closing meeting pada hari terakhir penilaian.

Syarikat Pemohon	Kuala Lumpur Kepong Berhad (KLK)
RSPO Membership	1-0014-04-000-00 (Ordinary Member)
RSPO Palmtrace (RSPO PO_ID)	RSPO_PO1000000280

Butiran Pemohon	<p>Sin Chuan Eng ce.sin@klk.com.my</p> <p>Thien Jing Wen jw.thien@klk.com.my</p> <p>Tel : (605) 241 7844 Alamat: Wisma Taiko, 1, Jalan S.P Seenivasagam, 30000 Ipoh Perak.</p>
------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Maklumat ringkas perniagaan pemohon	<p>Bermula sebagai syarikat perladangan lebih dari 110 tahun yang lalu, Kuala Lumpur Kepong Berhad adalah antara syarikat perladangan terbesar di Malaysia. Menurut pernyataan awam dari laman webnya, memiliki bank tanah seluas 285,000 hektar, tersebar di seluruh Malaysia (Semenanjung dan Sabah), Indonesia (Pulau Belitung, Sumatera, Kalimantan Tengah dan Timur) dan Liberia. Dari segi penyebaran geografi, kira-kira 51% dari ladang terletak di Indonesia, 26% di Semenanjung Malaysia, 15% di Sabah dan 8% di Liberia.</p> <p>Dari rekod, Kuala Lumpur Kepong kompleks ladang Jeram Padang POM tidak mempunyai proses New Planting Procedure (NPP) dan Remediation and Compensation Plan (RaCP) yang sedang berjalan dengan RSPO.</p>
--------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

MAKLUMAT KILANG KELAPA SAWIT YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI

Nama Kilang Sawit	Kapasiti Kilang	Lokasi	Rujukan GPS		Anggaran Pengeluaran Tahunan (MT)	
	MT/JAM	Alamat	Longitude	Latitude	CPO	Palm Kernel
Jeram Padang POM	55	KM 12, Jalan Jelai-Rompin, 72100 Bahau, Negeri Sembilan, Malaysia.	102.4085	2.73511	49,033.061	11,246.115

RANTAIAN BEKALAN BTS YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI

Nama Ladang / Pertubuhan	Alamat	Rujukan GPS		Ringkasan Luas (Ha)		Pengeluaran BTS Tahunan (MT)
		Longitude	Latitude	Jumlah	Ditanam	
Ayer Hitam Estate	KM 18, Jalan Bahau – Temerloh, Bandar Sri Jempol, 72109 Negeri Sembilan.	102.41818	2.94078	2640	2606	49466.63
Jeram Padang Estate	KM 12, Jalan Jelai – Rompin, 72109 Bahau, Negeri Sembilan.	102.40389	2.71806	1949	1673	24379.31
Batang Jelai Estate	KM 7, Jalan Rompin – Jelai, 73500 Rompin, Negeri Sembilan.	102.47211	2.70430	2050	1461	19809.65
Kombok Estate	KM 4, Jalan Sg Gadut – Rantau, 71209 Rantau, Negeri Sembilan.	101.98771	2.62103	2331	1803	35538.67
Ulu Pedas Estate	KM 24, Jalan Seremban – Tampin, 71409 Pedas, Negeri Sembilan.	102.06652	2.63173	922	903	14396.66

Tuan Estate	KM 22, Jalan Karak – Mancis, 28600 Karak, Pahang.	102.10222	3.27849	1353	963	18548.51
Renjok Estate	KM 17, Jalan Karak – Mancis, 28600 Karak, Pahang.	102.08123	3.30526	1578	258	6041.64
Sungai Kawang Estate	M 18, Jalan Karak – Temerloh, 28500 Lanchang, Pahang.	102.14000	3.47111	1889	1591	31808.3
Kemasul Estate	Ladang Kemasul, 28200 Mengkarak, Pahang.	102.39250	3.29861	459	279	548.62
Gunong Pertanian Estate	KM 4, Jalan Simpang Durian – Bahau, 72400 Simpang Durian, Negeri Sembilan.	102.26922	3.07719	686	638	15995.26
Jumlah				15857	12175	216533.25

Perundingan dari pihak berkepentingan adalah salah satu aktiviti utama dalam proses pensijilan, di mana semua pihak berkepentingan diminta untuk memberi pandangan yang boleh mempengaruhi keputusan samada keperluan RSPO dipatuhi.

Kami meminta anda mengemukakan sebarang isu, baik positif maupun negatif melalui surat, fax atau e-mel kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd. Tuan/ Puan boleh menghadiri sesi bersama pihak berkepentingan semasa audit.

Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti berikut;

- Perlindungan alam sekitar
- Pemulihan kepelbagaian biologi
- Pengwujudan peluang pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan sokongan
- Pendekatan syarikat dalam perkembangan masyarakat
- Mengambil bahagian dalam membuat keputusan
- Isu-isu yang lain baik positif atau negatif yang anda fikir relevan kepada penilaian.

Sila hantar pandangan / komen anda kepada:

Global Gateway Certifications Sdn Bhd

Pengurus Scheme,
Global Gateway Certifications Sdn Bhd,
No.10, Jalan Rasmi 7,
Taman Rasmi Jaya,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Telephone: +60 3 4256 2689
Fax: +60 3 4256 2687
Email: jamal@gcc.my / admin@gcc.my

Maklumat terperinci anggota Juruaudit:

Mohamad Razin Bin Bakal (Ketua Juruaudit)

Mempunyai pengetahuan dan pengalaman melebihi 18 tahun dalam operasi ladang kelapa sawit termasuk pengurusan pentadbiran ladang, penyediaan budget & belanjawan, pembukaan & pembersihan hutan, penanaman baru, pengurusan nursery, penuaian, penyelenggaraan kebun, keselamatan & kesihatan, penyelenggaraan kenderaan dan kemahiran dalam Amalan Pertanian Baik (GAP) termasuk Pengurusan Makluk Perosak Bersepadu (IPM).

Terlibat dalam pengauditan sejak 2018. Layak sebagai Ketua Juruaudit / Juruaudit di bawah scope MSPO 2530:2013 (PnC & SCCS), RSPO (PnC & SCCS), ISO 14001:2015 dan ISO 9001:2015. Mengikuti latihan serta memperolehi pengiktirafan seperti Sijil pengiktirafan RSPO, MSPO, Jurunilai HCV & HCS yang dikendalikan oleh SIRIM Berhad, David Ogg dan Proforest Sdn. Bhd.

Ahli pasukan audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Muhd Jamalul Arif bin Hamid (Juruaudit)

Latar belakang pendidikan dalam Pengurusan Perladangan dan Pengukuran Kargo Laut dengan pengalaman bekerja dalam mengendalikan tinjauan kargo Kualiti & Kuantiti untuk produk pertanian seperti minyak sawit, kacang soya, jagung dan gula. Juga berkelayakan dan terlibat dalam audit kelestarian dan Sistem Pengurusan sejak 2011 untuk kebanyakan standard kelestarian seperti audit RSPO, ISCC, MSPO, Global Gap, GMP, SMETA, ESCAS dan audit pihak kedua.

Terlibat dalam RSPO P&C, NEXT dan SCCS yang dijalankan di Malaysia, Indonesia, Colombia, Ecuador, Ivory Coast, Papua New Guinea dan Negara Timur Tengah. Melengkapkan Latihan Juruaudit ISO 9001: 2008 pada tahun 2011, dilatih dalam keperluan ISO 19011 & 17021 pada tahun 2014, Social Skill Auditing Conversion against RSPO, MSPO, ETI & SEDEX pada tahun 2015, kursus Ketua Juruaudit RSPO P&C pada tahun 2013, 2016 dan 2019, Latihan Auditor RSPO SCC pada tahun 2015, Latihan Auditor MSPO pada tahun 2014 (Batch ke-3) yang diadakan oleh MPOB, Latihan Juruaudit MSPO SCCS pada tahun 2018, Kursus Latihan Keselamatan Asas dan lain-lain.

Ahli pasukan audit GGC MSPO. Mampu bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Nurulashida binti Mohd Saad (Juruaudit)

Siswazah dalam Pemuliharaan dan Pengurusan Keanekaragaman Hayati dengan bekerja di Jabatan Kelestarian selama lebih dari 12 tahun yang melibatkan urusan pensijilan dan permatuhan. Dilatih sepenuhnya dalam program pensijilan pertanian seperti RSPO, MSPO, SCCS, Biodiversity / HCV, ISCC, ISO dan lain-lain. Disahkan sebagai Ketua Juruaudit / Juruaudit untuk pensijilan RSPO dan MSPO.

Berkelayakan sebagai Ketua Juruaudit / Juruaudit dalam beberapa program pensijilan. Terlibat dalam penilaian RSPO dan MSPO sejak tahun 2019. Terlibat dalam audit yang dijalankan di banyak syarikat di Malaysia. Kursus Auditor MSPO yang telah diselesaikan dan diperakui (MPOCC Endorsed) pada tahun 2018 dan MSPO Supply Chain Certification Standard (SCCS) pada tahun 2019 yang diadakan oleh SGS Malaysia Sdn Bhd dan (RSPO Endorsed) Latihan Ketua Juruaudit RSPO P&C yang diadakan oleh CheckMark Training pada tahun 2018 dan Kursus Latihan Ketua Juruaudit RSPO P&C yang disahkan semula pada tahun 2021.

Berjaya melengkapkan latihan Juruaudit Utama Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 yang disediakan oleh Global Quality Excellence Academy. Ahli pasukan audit GGC MSPO dan dapat bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan . Sila sertakan maklumat bertulis dalam format berikut untuk kami menghubungi anda (jika perlu) untuk mendapat penjelasan terperinci mengenai isu-isu yang dibangkitkan.

Nama : _____
Alamat : _____
E-mel : _____
Numbor Telefon : _____
Ringkasan Isu : _____

Komen:

Jika komen anda ingin dirahsiakan, sila tanda perkataan “SULIT” di penjuru atas borang tersebut.

Sekian. Terima kasih.

Yang benar,



Muhd Jamalul Arif,
Pengurus Scheme,
Global Gateway Certifications Sdn Bhd